

22/09/1997

50 wakil NGO adakan bantahan

KUALA LUMPUR, Ahad - Sekumpulan kira-kira 50 wakil beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) mengadakan demonstrasi secara aman di Dataran Merdeka mendesak kerajaan mengambil tindakan segera mengatasi masalah jerebu.

Kumpulan yang menamakan diri sebagai anggota Kempen Alam Bersih Aksi Rakyat (Kabar) akan mengemukakan memorandum yang ditujukan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jurucakap kumpulan itu, Dr Sanusi Osman, berkata memorandum itu meminta kerajaan mengisytiharkan seminggu sebagai hari memerangi pencemaran kilang, pembakaran hutan, dan pencemaran asap kenderaan yang memburukkan keadaan alam sekitar.

Demonstrasi bermula jam 11 pagi itu meminta kerajaan menubuhkan jawatankuasa yang terdiri daripada wakil NGO dan pakar pelbagai bidang berkaitan jerebu untuk mengkaji punca dan kesannya terhadap kesihatan orang ramai.

(END)